



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PERANCANGAN SUMBER MANUSIA**  
**KOD KURSUS : DSM2093**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
  - i. Bahagian A mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam kertas jawapan.
  - ii. Bahagian B mengandungi **DUA (2)** soalan, Jawab **SEMUA** dalam Buku Jawapan
2. Calon tidak di benarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan


---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Perancangan sumber manusia adalah proses membuat ramalan tentang keperluan sumber manusia pada masa akan datang. Mengapakah perancangan sumber manusia penting di dalam organisasi?

(10 markah)

**SOALAN 2**

Terangkan mengapa pihak majikan lebih gemar menggunakan borang permohonan dan *resume* dalam proses pemilihan pekerja?

(10 markah)

**SOALAN 3**

a. Jelaskan **tiga (3)** analisis untuk meramal permintaan sumber manusia melalui pendekatan kuantitatif.

(6 markah)

b. Nyatakan **empat (4)** langkah untuk meramal permintaan sumber manusia menggunakan teknik delphi.

(4 markah)

**SOALAN 4**

Jelaskan **lima (5)** cara untuk mengatasi masalah lebihan pekerja di dalam sesebuah organisasi.

(10 markah)

**SOALAN 5**

Penggabungan merujuk kepada penyatuan bersama dua atau lebih entiti untuk membentuk perusahaan baru dengan nama baru. Pada pandangan anda, mengapakah organisasi mengambil keputusan untuk melaksanakan penggabungan perusahaan?

(10 markah)

**SOALAN 6**

Terangkan **lima (5)** kaedah merekrut yang boleh diamalkan oleh sesebuah organisasi.

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

King Cream merupakan sebuah peruncit aiskrim terbesar di Malaysia. Eksekutif King Cream sedar bahawa kejayaannya bergantung pada kejayaan setiap wakil jurujual yang memiliki ciri-ciri tertentu seperti sikap terbuka, sensitif, bermotivasi dan kestabilan emosi. Deskripsi kerja untuk wakil jurujual secara asalnya disediakan oleh perunding luar sepuluh tahun yang lepas. Dalam perkembangan firma, King Cream perlu mengambil pekerja baru yang memiliki pengalaman jualan sekurang-kurangnya dua tahun bagi mengisi jawatan kosong sebagai Pengurus Jualan. Semasa proses pemilihan, Jabatan Sumber Manusia ingin meminimumkan kos berkaitan perekrutan pekerja. Namun begitu, Jabatan Sumber Manusia memerlukan kaedah penilaian pemilihan pekerja yang mempunyai kesahan yang tinggi terhadap pekerjaan yang ditawarkan.

- a. Terangkan **lima (5)** pilihan yang boleh diambil oleh King Cream untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja.

(10 markah)

- b. Terangkan **lima (5)** jenis ujian pemilihan yang sesuai digunakan dalam membuat pemilihan Pengurus Jualan.

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Pada pandangan anda, mengapa program persaraan awal begitu penting kepada pihak majikan?

(10 markah)

- b. Pada pandangan anda, apakah yang akan dilakukan oleh majikan kepada pekerja sekiranya majikan hendak mengecilkan bilangan pekerja di dalam organisasi?

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**